



Cypark

Media Title	:	Harian Metro
Headline	:	Cypark jangka RE mampu sumbang 50 peratus perolehan syarikat
Date	:	16 April 2018
Page	:	73
Size	:	9x15.4



Kuala Lumpur

Cypark jangka RE mampu sumbang 50 peratus perolehan syarikat



DAUD menunjukkan Laporan Tahunan Cypark 2017.

Cypark Resources Bhd (Cypark) menjangkakan segmen tenaga boleh diperbaharui (RE) mampu menyumbang kepada pertumbuhan lebih 50 peratus terhadap perolehan syarikat.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Daud Ahmad berkata, RE adalah bidang yang dikenal pasti sebagai cabang perniagaan baru yang memberi pulangan berterusan.

Beliau berkata, setakat ini pihaknya mempunyai empat segmen perniagaan berbeza yang memberi sumbangan signifikan kepada syarikat iaitu RE, teknologi hijau, kejuruteraan

alam sekitar dan kejuruteaan pembinaan.

"RE adalah bidang yang memberi pulangan positif dan ia bukan hanya tertumpu kepada elektrik, sebaliknya meliputi apa saja seperti air serta bahan buangan yang ditukar kepada tenaga.

"Apabila kita berjaya menyiapkan projek Solar Fotovoltaik Berskala Besar (LSSPV) bernilai RM260.51 juta serta loji sisa kepada tenaga (WTE) 25 Megawatt (MW) di Ladang Tanah Merah, Negeri Sembilan, ia mampu memberi sumbangan lebih 50 peratus daripada segmen ini kepada syarikat," katanya.